

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 3 OGOS 2017

RUJUKAN : 10020

**SOALAN : Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah Kerajaan
(khususnya atas talian) untuk menangani penyebaran pengajaran IS atau
Daesh di Malaysia dan lebih penting untuk menghalang rakyat Malaysia
dari pergi ke Mindanao untuk berperang di Marawi.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak pernah membenarkan rakyatnya melibatkan diri dengan mana-mana kumpulan pengganas tidak kira sama ada di dalam negara mahupun luar negara terutamanya kumpulan pengganas Daesh. Bagi menunjukkan usaha tersebut, PDRM melalui *Counter Messaging Center (CMC)* telah diarahkan untuk membuat pemantauan berterusan terutamanya melalui media sosial dalam mengenalpasti individu, pertubuhan, persatuan dan badan-badan NGO yang dikhuatiri menjadi platform untuk penyebaran ideologi kumpulan pengganas.

Pada masa yang sama, terdapat juga orang awam yang membekalkan maklumat berhubung suspek yang dipercayai terlibat dan menunjukkan kecenderungan serta sokongan kepada kumpulan pengganas. Sebarang perubahan tingkah laku yang drastik dalam diri seseorang juga boleh dijadikan petunjuk bahawa individu tersebut mula terpengaruh dengan dakwah perjuangan yang dilontarkan oleh anasir-anasir militan.

PDRM telah melaksanakan beberapa tindakan untuk menyekat perkembangan mana-mana kumpulan pengganas seperti berikut:

- i. mengadakan kerjasama dengan agensi-agensis perisikan luar negara khususnya ASEAN. Hasil daripada**

perkongsian maklumat ini, PDRM telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;

- ii. nama individu yang disyaki sebagai pengganas akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk/keluar negara;
- iii. melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) iaitu saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki Malaysia sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;
- iv. menjalankan pelbagai program penerangan pencegahan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui ceramah-ceramah, khutbah Jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrem yang menjurus ke arah kegiatan militan;

- v. **mewujudkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang; dan**

- vi. **memperkasakan undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi Kerajaan seperti PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).**

SOALAN (38)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 OGOS 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]

SOALAN :

YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci berapakah perbelanjaan yang telah PETRONAS keluarkan bagi projek-projek gergasi seperti RAPID, pelaburan di Kanada dan Brazil serta apakah pulangan IRR bagi setiap projek tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah entiti perniagaan yang berdaya saing, bertanggungjawab dan menekankan tadbir urus korporat yang tinggi, PETRONAS sentiasa menjalankan kajian dan penilaian yang teliti sebelum membuat keputusan untuk melaksanakan sebarang projek pembangunan termasuk RAPID dan pelaburan antarabangsa. Antara faktor yang diambil kira adalah pulangan pelaburan jangka masa panjang yang kompetitif, pulangan pasaran semasa dan juga kos modal.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini pembangunan projek Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) yang bertujuan untuk meningkatkan produk bernilai tambah tinggi bagi kegunaan pasaran tempatan dan juga eksport sedang giat dilaksanakan. Kos pembangunan projek PIC yang turut merangkumi Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) kekal pada USD27 bilion sepertimana anggaran asal dan dijangka akan mula beroperasi secara berperingkat bermula tahun 2019.

Untuk pelaburan di Kanada, PETRONAS telah membeli *Progress Energy Resources Corporation* dengan nilai sebanyak C\$5.5 bilion manakala projek pembangunan terminal eksport gas asli cecair (LNG) di barat laut Kanada yang bertujuan untuk memproses LNG bagi tujuan eksport masih di dalam fasa penilaian dan belum mencapai keputusan pelaburan akhir (*Final Investment Decision (FID)*).

Sementara itu, pelaburan di Brazil adalah di dalam perniagaan pengedaran minyak pelincir menerusi salah satu anak syarikat PETRONAS iaitu *PETRONAS Lubricants International*.

Sekian, terima kasih.

3 Ogos 2017